

50 kadet Palapes USIM ditauliah Leftenan Muda

SEREMBAN 9 Julai - Seramai 50 kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dalam Istiadat Pentauliahkan Diraja dan Pengurniaan Watikah di Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

Kesemua kadet berkenaan yang melengkapkan tempoh kursus dan latihan selama enam semester bersama Palapes Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditauliahkan oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V.

Palapes USIM yang bergerak secara rasmi menggunakan platform pasukan Palapes UKM buat masa ini telah berjaya melahirkan dua kumpulan Pegawai Muda sejak pengambilalihan kumpulan pegawai kadet pertama diadakan sejak 2009.

Seramai 50 Leftenan muda yang terdiri daripada 28 lelaki dan 22 perempuan turut diraikan dalam Majlis Santapan Malam Regimental Bersama Canselor UKM, Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir.

Turut berangkat ke majlis itu Canselor USIM, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Be-

sar Mahmud.

Tuanku Muhriz turut berkenan menyampaikan Anugerah Kesatria Jaya kepada 50 Palapes yang ditauliahkan.

Dalam pada itu, Leftenan Muda **Muhammad Syahir Abd. Rahman** yang terpilih sebagai Pegawai Kadet Terbaik berkata, penyertaan dalam pasukan itu telah berjaya membentuk disiplin diri dan nilai kepimpinan, tanggungjawab dan kerja berpasukan yang tinggi.

"Alhamdulillah, pengurusan masa sebagai seorang pelajar dan pegawai kadet dapat diseimbangkan dengan baik," ujarnya.

Sementara itu, Leftenan Muda **Siti Adibah Zali** yang terpilih menerima Anugerah Khas Komandan berkata, pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi akan dimanfaatkan selain dia menyimpan hasrat untuk bersama Askar Wataniah selepas tamat pengajian kelak.

Di samping itu, warga Palapes USIM turut berkongsi kegembiraan apabila Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dianugerahkan pangkat Kolonel (Kehormat) dalam Angkatan Sukarela Persekutuan sebagai Penasihat Palapes USIM oleh Majlis Angkatan Tentera.



ASMA Ismail (kanan) beramah mesra dengan beberapa kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) USIM yang ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dalam Istiadat Pentauliahkan Diraja dan Pengurniaan Watikah di Universiti Malaysia Sabah, baru-baru ini.